



NO. SEBUTHARGA : SADA/SH/NRW/40/2026

KENYATAAN SEBUTHARGA

Kontraktor/Pembekal yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) - **Gred G2** kategori **CE20 – Sistem Bekalan Air dan CE21 - Kerja-kerja am kejuteraan awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** serta masih dibenarkan membuat kerja-kerja sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai :

KERJA-KERJA MEROBOHKAN TANGKI SEDIAADA JENIS CYLINDRICAL STAINLESS-STEEL DAN MEMBINA SEMULA TANGKI JENIS PRECAST CONCRETE BERKAPASITI 220M3 BERSERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PAM PADANG PERAHU, JITRA, KEDAH DARUL AMAN

Tarikh Taklimat Tapak : 05/05/2026 (Selasa)
Masa : 10.30 pagi
Tempat : RUMAH PAM PADANG PERAHU
(Google Maps: 6.3330947 100.3628379)
Lawatan Tapak : **WAJIB**

Kontraktor/Pembekal perlu mendaftar terlebih dahulu dengan SADA dengan harga **RM50.00** sebelum membuat pembelian Borang Sebutharga dan Borang sebutharga boleh didapati di tingkat 11, Jabatan Ukur Bahan, Ibu Pejabat Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA) semasa waktu pejabat (**8.30 pg - 12.30 tgh dan 2.30 ptg – 4.30 ptg**) dengan harga **RM 50.00** pada **10/05/2026 hingga 17/05/2026**.

Kontraktor/Pembekal yang menyertai Sebutharga di atas hendaklah membawa bersama Sijil Asal dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) semasa mendapatkan Borang Sebutharga. Hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Pendaftaran atau wakil yang diberi kuasa yang dibenarkan membeli dokumen Sebutharga.

Borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti Tender/Sebutharga di Ibu Pejabat Syarikat Air Darul Aman, Aras Bawah (bersebelahan kaunter bayaran), Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. Jalan Sultan Badlishah 05582 Alor Setar Kedah sebelum atau pada jam **12.00 tengahari** bertarikh **18/05/2026 (Isnin)**.



Sertai Saluran Telegram Kami
Tender & Sebut Harga SADA
<https://t.me/iklansebuthargatenderSADA>
Untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami